

Pegawai salah urus dana awam disiasat, didakwa

Hukuman tegas – KSN

Oleh BAHAROM MAHUSIN

u.m'sia m/s 12/10/07

PUTRAJAYA 11 Okt. – Para pegawai kerajaan yang terbabit dalam salah urus dana awam seperti yang didedahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2006 akan dikenakan tindakan termasuk dihadapkan ke mahkamah, kata Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan.

Menurut beliau, hukuman dalam bentuk tindakan tatatertib bukan sahaja akan diambil oleh jabatan tempat mereka bekerja tetapi juga bakal disusuli dengan penyiasatan dan pendakwaan jabatan-jabatan lain yang berkaitan.

Katanya, Badan Pencegah Rasuah (BPR), misalnya, telah memulakan siasatan dan akan bertindak jika terdapat bukti penglibatan para pegawai itu dalam penyelewengan yang memalukan nama baik perkhidmatan awam.

“Kerajaan sangat serius dalam isu ini dan saya juga amat serius. Saya tidak boleh membenarkan ada pihak mencemarkan imej kerajaan dan perkhidmatan awam,” kata Mohd. Sidek kepada pemberita di sini hari ini dalam satu taklimat mengenai langkah susulan kepada Laporan Ketua Audit Negara 2006.

Laporan tersebut yang diterbitkan pada 7 September lalu sempena pembentangan Bajet 2008 mendedahkan pelbagai salah urus dana awam dan meletakkan perkhidmatan awam dalam imej yang negatif.

Dalam laporannya, Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang mengkritik beberapa jabatan dan kementerian, termasuk menegur pembelian peralatan dan kelengkapan bagi Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN).

Para pegawai yang mengendalikan pembelian peralatan IKBN itu dikatakan telah membuat beberapa pembelian peralatan yang melebihi harga pasaran sehingga kerajaan terpaksa menanggung kerugian RM8.39 juta.

Mohd. Sidek mahu langkah susulan diambil segera bagi memastikan salah urus yang dilaporkan itu tidak berulang.

Katanya, penjelasan jabatan dan kementerian terlibat seperti yang diamalkan sebelum ini tidak lagi mencukupi.

Dalam taklimatnya, beliau menghuraikan

u. m' sta m/s 2
12.10.07

Hukuman tegas - KSN

beberapa langkah yang bakal diperkenalkan untuk meningkatkan akauntabiliti pengurusan kewangan jabatan dan kementerian.

Mulai tahun depan, katanya, Ketua Audit Negara akan memasukkan maklumat tambahan mengenai penjelasan dan langkah-langkah pembetulan yang telah diambil oleh jabatan dan agensi kerajaan untuk membetulkan salah urus yang ditemui oleh Jabatan Audit Negara pada tahun sebelumnya.

"Kita akan menentukan bahawa penjelasan jabatan berkenaan boleh diyakini dan mempunyai kredibiliti," katanya.

Mohd. Sidek turut memberitahu, bagi memperlihatkan bahawa kerajaan bersungguh-sungguh untuk mewujudkan perkhidmatan awam yang telus, kompetitif dan menjadi pemacu transformasi negara, pengumuman mengenai kenaikan pangkat para pegawai awam seperti yang diamalkan sekarang akan diikuti dengan hebahan mengenai salah laku.

"Selain pengumuman kenaikan pangkat, kita juga akan menyenaraikan penurunan pangkat dan tindakan disiplin yang kita kenakan ke atas kakitangan awam," katanya sambil menambah, buat permulaan senarai itu mungkin dikeluarkan setiap tiga bulan sekali.

Ditanya bilakah cadangan berkenaan akan mula dilaksanakan, Mohd. Sidek memberitahu, ia akan dilakukan secepat mungkin sebelum tersiarnya laporan Ketua Audit Negara 2007 pada tahun depan.

Mengenai dakwaan rasuah yang melibatkan perkhidmatan awam, Mohd. Sidek berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bersungguh-sungguh untuk menghapuskan rasuah kerana ia boleh menjejaskan sistem penyampaian kerajaan.

Bagaimanapun, beliau meminta orang ramai dan media menilai laporan mengenai isu-isu rasuah dalam perspektif yang betul.

Katanya, gejala itu berlaku dari masa ke masa memandangkan kerajaan merupakan majikan yang terbesar di negara ini dengan jumlah kakitangan awam seramai 1.2 juta orang, tetapi ia tidaklah berleluasa.

Bagi menunjukkan ketegasan kerajaan, Mohd. Sidek berkata, beliau sendiri sebagai Ketua Setiausaha Negara telah mengarahkan kakitangan yang terlibat dalam rasuah dihukum.

"Beberapa kakitangan kerajaan telah dipindahkan tempat bertugas atau diturunkan pangkat kerana gagal melaksanakan tugas dengan memuaskan.

"Ada juga pegawai awam yang dipecat selepas melakukan kesalahan, tetapi saya tidak menghebahkan tindakan yang kita ambil itu dalam akhbar," katanya.